

TERMA DAN SYARAT KAD DEBIT HONG LEONG ([English Version](#))

Dikemaskini pada 10 Disember 2024

Sebagai pertimbangan Hong Leong Bank Berhad atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**Bank**") bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan dan bersetuju untuk mengeluarkan Kad Debit (seperti yang ditentukan dalam Klausa 1) termasuk Gabungan (sebagaimana didefinisikan dalam Klausa 1.2) kepada Pemegang Kad atas permohonan Pemegang Kad, Pemegang Kad berjanji dan bersetuju bahawa penurunan tandatangan pada Kad Debit, penggunaan Kad Debit dan/atau pengekalan Akaun oleh Pemegang Kad akan membentuk perjanjian Pemegang Kad dengan terma dan syarat ("**T&S**") di bawah.

T&S ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan sebarang terma dan syarat akaun yang berkaitan, serta syarat dan peraturan lain yang mengikat Bank. Definisi berikut berkuatkuasa kecuali dinyatakan sebaliknya:

1.0 Definisi dan Interpretasi

- 1.1 "**Akaun**" bermaksud akaun atau akaun-akaun Pelanggan dengan HLB / HLISB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun baharu lain yang dibuka dari semasa ke semasa
- 1.2 "**Gabungan**" bermaksud Kad Debit yang ditawarkan oleh institusi kewangan dalam perkongsian dengan institusi lain.
- 1.3 "**Fi Tahunan**" bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad setiap tahun.
- 1.4 "**Pihak Berkuasa Berkenaan**" bermaksud mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.
- 1.5 "**ATM**" bermaksud mesin juruwang automatik:
 - (a) yang dipasang oleh Bank atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi (Shared ATM Network (SAN)); dan/atau
 - (b) ditetapkan oleh Bank atau Visa/Mastercard, untuk penggunaan Pemegang Kad.
- 1.6 "**Transaksi Kad ATM**" bermaksud penggunaan Kad Debit untuk pengeluaran tunai dan transaksi elektronik atau mana-mana kad yang mungkin diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.7 "**Rangkaian Tunai Dibenarkan**" bermaksud cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh Rangkaian ATM Kongsi, Visa/Mastercard untuk melaksanakan pengeluaran wang tunai.
- 1.8 "**Peniaga Sah**" bermaksud mana-mana peruncit atau perbadanan yang mana selaras dengan Perjanjian Peniaga bersetuju untuk menerima atau menyebabkan outletnya menerima Kad Debit untuk pembayaran atau menurut kepada perkiraan undang-undang dengan MyDebit/Visa/Mastercard bersetuju untuk menerima atau menyebabkan rangkaianannya untuk menerima kemudahan yang ditawarkan bergabung atau berkongsi jenama Visa/Mastercard untuk pembayaran.

- 1.9** “**Transaksi Auto Debit**” bermaksud bayaran berulang melalui Kad Debit untuk caj utiliti, insurans atau takaful yang diluluskan oleh Bank sahaja.
- 1.10** “**Bank**” bermaksud sama ada Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) dan termasuk pewaris-namanya dan pemegang serah-hak dibenarkan.
- 1.11** “**Hari Perniagaan**” bermaksud hari apabila HLB / HLISB dibuka untuk perniagaan di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (tidak termasuk hari kelepasan bank, negeri dan hari kelepasan am), mengikut mana yang berkenaan, dan hari apabila transaksi yang jenisnya dicadang bagi Akaun dijalankan.
- 1.12** “**Pemegang Kad**” bermaksud Pemegang Kad Bank yang mana Kad Debit diterbitkan kepadanya.
- 1.13** “**Fi Penggantian Kad**” bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad jika kad hilang, dicuri atau rosak.
- 1.14** “**Transaksi Kad**” bermaksud transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit untuk urus niaga tempatan dan luar negara; Transaksi dengan Kad secara bersemuka serta Transaksi Tanpa Kad dan Transaksi Tanpa Sentuhan secara tidak bersemuka (di mana berkenaan).
- 1.15** “**Transaksi Card-Present (CP)**” bermaksud pembayaran Transaksi Runcit di mana Pemegang Kad dan Kad Debit hadir secara fizikal di Peniaga Sah apabila pembayaran dilakukan.
- 1.16** “**Transaksi Card-Not-Present (CNP)**” bermaksud pembayaran Transaksi Runcit di mana Pemegang Kad dan Kad Debit tidak hadir secara fizikal di Peniaga Sah apabila pembayaran dilakukan.
- 1.17** “**Baki Semasa**” bermaksud baki atau tunai terkini yang ada di dalam akaun simpanan atau semasa Pemegang Kad.
- 1.18** “**Fi Pengeluaran Tunai**” bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk pengeluaran tunai berjaya dari ATM.
- 1.19** “**Transaksi Tanpa Sentuhan**” bermaksud kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan teknologi komunikasi medan dekat (NFC) bagi membuat pembayaran dengan menyentuh/mengimbas Kad Debit pada pembaca selamat.
- 1.20** “**Kad Karakter**” merujuk kepada Kad Debit seperti Kad Debit Hello Kitty atau Transformers yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.21** “**Had Pengeluaran Tunai Harian**” bermaksud had maksimum harian dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank berhubung pengeluaran tunai melalui ATM.
- 1.22** “**Had Belian Dalam Talian Harian**” bermaksud had maksimum belian harian dalam talian dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank dalam Klausa 12.4 di sini.
- 1.23** “**Had Belian Runcit Harian**” bermaksud had maksimum belian runcit harian dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank dalam Klausa 12.3 di sini.

- 1.24 “**Had Pemindahan Harian**” bermaksud had maksimum harian yang ditetapkan oleh Bank berkenaan dengan pemindahan wang melalui ATM dan/atau Hong Leong Connect.
- 1.25 “**Kad Debit**” bermaksud Kad Debit MyDebit/Visa/Mastercard Hong Leong yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.26 “**DCC**” merujuk kepada Penukaran Mata Wang Dinamik, iaitu perkhidmatan pilihan yang ditawarkan oleh peniaga atau tersedia untuk pembelian luar negara tertentu seperti yang ditentukan dalam Klausa 20.1 di bawah (termasuk Transaksi Kad ATM), yang memberi pilihan pembayaran / pengeluaran tunai dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian di luar negara dan pembelian dalam talian dalam mata wang asing) untuk transaksi luar negara, sebagaimana yang dihuraikan dalam Klausa 20.
- 1.27 “**Fi**” termasuk fi perlu dibayar oleh Pemegang Kad semasa permohonan, tahunan atau sebarang jarak waktu yang mungkin ditentukan oleh Bank untuk menggunakan Perkhidmatan yang akan didebit dari Akaun pada setiap tarikh ulangtahun Kad Debit dikeluarkan dan akan merangkumi semua fi lain, caj perkhidmatan, komisen dan lain-lain bayaran yang dicaj oleh Bank di bawah T&S ini. Bank berhak untuk mengubah Fi dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.
- 1.28 “**Pemegang Kad Biasa**” bermaksud Pemegang Kad bukan Perbankan Prioriti.
- 1.29 “**Tarikh Baik Sehingga**” bermaksud tarikh luput yang dicetak pada Kad Debit.
- 1.30 “**Barangan dan Perkhidmatan yang mematuhi Syariah**” bermaksud barangan & perkhidmatan yang boleh diterima dan mematuhi Syariah.
- 1.31 “**HLB Connect App**” bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.
- 1.32 “**Hong Leong Connect**” bermaksud perkhidmatan perbankan internet dan perkhidmatan aplikasi mudah alih yang disediakan oleh HLB / HLISB.
- 1.33 “**Pemegang Akaun Bersama**” bermaksud mana-mana Akaun yang ada dua (2) atau lebih nama bersama atau mempunyai dua (2) atau lebih yang diberi kuasa penandatanganan.
- 1.34 “**Mastercard**” bermaksud MasterCard International Incorporated, sebuah syarikat yang dikendalikan di bawah Negeri Delaware dengan pejabat dan pusat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, N.Y. 10577-2509, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusinya.
- 1.35 “**MCCS**” bermaksud Spesifikasi Kad Cip Malaysia, iaitu ialah skim kad debit EMV (Euro, Mastercard, dan Visa) domestik yang menyokong kedua-dua aplikasi sentuhan dan tanpa sentuhan.
- 1.36 “**Akaun Diaktifkan MCF**” bermaksud Akaun Pemegang Kad di mana MCF (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 1.45 di sini) telah diupayakan, yang mungkin termasuk akaun yang dipautkanke Kad Debit. telah diaktifkan, yang mungkin termasuk Akaun Pembelian Runcit.
- 1.37 “**MEPS**” bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd, pembekal perkhidmatan antara bank di Malaysia.

- 1.38 **“Perjanjian Peniaga”** bermaksud perjanjian yang ditandatangani di antara Peniaga Sah dan Bank.
- 1.39 **“Fi Penyata Bulanan”** bermaksud fi bulanan yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk penyata bulanan Kad Debit yang dicetak.
- 1.40 **“MOTO”** ertinya Pesanan Mel Pesanan Telefon yang merupakan jenis Transaksi Kad-Tidak-Hadir di mana Perkhidmatan diselesaikan dan dibayar melalui telefon, mel, faks atau e-mel.
- 1.41 **“MyKad”** bermaksud kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia kepada Pemegang Kad untuk mengenalpasti and megesahkan identiti Pemegang Kad.
- 1.42 **“MyDebit”** bermaksud suatu skim kad debit domestik yang membenarkan Pemegang Kad untuk membuat bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dengan mendebit secara langsung dari Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad.
- 1.43 **“Kad Debit Multi Currency”** atau **“Kad MCF”** atau **“Kad Debit Multi Currency Visa Hong Leong”** merujuk kepada Kad Debit dengan asas warna hitam yang dikeluarkan oleh Bank kepada pemegang Akaun Pay&Save Hong Leong dan hanya boleh dipautkan kepada Akaun Pembelian Runcit ke Akaun Pay&Save Hong Leong.
- 1.44 **“Ciri Mata Wang Pelbagai”** atau **“MCF”** bermaksud mata wang asing yang disimpan dalam Akaun yang dibenarkan oleh Bank untuk MCF yang membolehkan Pemegang Kad, antara lain:
(a) memegang mata wang asing yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
(b) melakukan Transaksi Luar Negara dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad;
(c) menukar satu (1) mata wang asing ke mata wang asing yang lain dalam Akaun Diaktifkan MCF Pemegang Kad melalui cawangan Bank atau Hong Leong Connect.
- Bagi mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Diaktifkan MCF yang dipegang oleh Pemegang Akaun tunggal. Mata wang asing terkini yang diluluskan untuk MCF boleh didapati <https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/deposits/savings-account/pay-and-save-account.html>.
- 1.45 **“Paparan Notifikasi HLB Connect App”** bermaksud ciri notifikasi tolak yang membolehkan Pemegang Kad menerima notifikasi melalui HLB Connect App.
- 1.46 **“One-Time Password (OTP)”** bermaksud kod 6-digit yang unik dan sekali guna yang dihantar melalui SMS atau Kad OTP dalam Aplikasi HLB Connect untuk melakukan transaksi dalam talian tertentu atau tindakan.
- 1.47 **“Had Belian Dalam Talian”** bermaksud had transaksi yang terpakai ke atas Transaksi Kad yang dilaksanakan dalam talian melalui internet.
- 1.48 **“Pembelian Petrol”** bermaksud semua transaksi yang dibuat dengan Kad Debit untuk pembayaran petrol dan mana-mana pembayaran lain yang dilakukan di kiosk petrol.
- 1.49 **“PIN”** bermaksud kod berangka yang bertindak sebagai kata laluan yang digunakan untuk mengesahkan Pemegang Kad ke akaun mereka
- 1.50 **“Tarikh Pengeposan”** bermaksud tarikh di mana sebarang Transaksi Kad yang dilakukan oleh

Pemegang Kad didebitkan dan direkodkan dalam Penyata.

- 1.51** “**Pemegang Kad Perbankan Prioriti**” bermaksud Pemegang Kad dengan status Perbankan Prioriti yang diperakui oleh Bank.
- 1.52** “**Notis Privasi**” bermaksud dasar dan prinsip Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan Bank yang mana mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa dan diterbitkan di laman sesawang Bank atau dengan cara yang dianggap wajar oleh Bank.
- 1.53** “**Had Belian Runcit**” bermaksud had transaksi yang dikuatkuasakan bagi Transaksi Kad termasuk Transaksi Tanpa Sentuhan yang dibuat di kedai runcit, atau mana-mana kedai lain di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran.
- 1.54** “**Akaun Pembelian Runcit**” bermaksud akaun yang dikaitkan dengan Kad Debit untuk membuat Transaksi Runcit.
- 1.55** “**Transaksi Runcit**” bermaksud transaksi yang menggunakan Kad Debit di Peniaga Sah di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran di dalam dan luar negara termasuk Pembelian Dalam Talian, tambah nilai Touch 'n Go secara automatik, Pembelian Petrol, Auto Bill/transaksi urusaniaga yang berulang dan tidak termasuk pengeluaran wang tunai, pemindahan dana, pembayaran yuran tahunan dan perkhidmatan lain/yuran pelbagai seperti yang ditakrifkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.
- 1.56** “**Fi Pencarian Rekod Jualan**” bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad apabila Pemegang Kad memohon untuk mendapatkan rekod jualan yang diisu oleh Peniaga Sah dari Bank. Fi ini juga dikenakan semasa penyiasatan kes pertikaian apabila Pemegang Kad memohon untuk melihat rekod jualan yang berkaitan.
- 1.57** “**Kod Keselamatan**” bermaksud kod keselamatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad untuk mengakses Perkhidmatan berkaitan yang merangkumi PIN (untuk Perkhidmatan ATM), IPIN (untuk Hong Leong Connect), HLB Connect Code (untuk Hong Leong Connect) dan termasuk lain-lain nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau lain-lain kod keselamatan yang mungkin dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk mengakses semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan untuk terma “Kod Keselamatan” akan bermaksud kod atau kod-kod keselamatan berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut sebagaimana diperlukan.
- 1.58** “**Perkhidmatan**” bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk memudahkan Transaksi Kad, Transaksi Tanpa Sentuhan, transaksi Cip dan PIN, Perbankan Telefon, Perkhidmatan Pembayaran Bil, atau mana-mana perkhidmatan elektronik, digital, visual, video atau lain-lain seperti perkhidmatan baru atau tambahan yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi membolehkan Pemegang Kad untuk melaksanakan transaksi perbankan dan lain-lain transaksi dan Perkhidmatan itu boleh ditambah, diubah atau ditarik balik oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu.
- 1.59** “**Rangkaian ATM Kongsi**” bermaksud bank dan institusi kewangan yang mengambil bahagian di dalam Rangkaian ATM Kongsi yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd.
- 1.60** “**Penyata**” bermaksud penyata akaun mencerminkan urusaniaga yang dilaksanakan dengan Kad

Debit.

- 1.61** "**Cukai**" bermaksud sebarang cukai semasa atau masa hadapan, langsung atau tidak langsung, cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, sebarang bentuk potongan atau pegangan dalam sebarang bentuk, Malaysia atau asing, yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan, termasuk tanpa had, sebarang cukai penggunaan dan lain-lain cukai dengan apa sahaja nama yang dipanggil, dan sebarang faedah, denda atau penalti yang berkenaan dengannya.
- 1.62** "**Tarikh Transaksi**" bermaksud tarikh di mana Transaksi Pembelian Runcit tersebut menggunakan Kad Debit di Peniaga Sah di mana Kad Debit adalah diterima untuk pembayaran.
- 1.63** "**Resit Transaksi**" bermaksud slip bayaran yang berkaitan, borang atau kertas yang dibekalkan kepada/oleh Bank kepada/oleh Peniaga Sah atau dijana oleh ATM untuk tujuan merekod, mengesah dan membuktikan pembelian atau transaksi lain yang dilakukan oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad Debit yang akan dicajkan dan didebitkan daripada Akaun atau pengesahan yang diberikan kepada Pemegang Kad untuk transaksi kewangan yang dilakukan melalui Hong Leong Connect.
- 1.64** "**Visa**" bermaksud Visa International Service Association, sebuah syarikat yang dikendalikan di bawah Negeri Delaware dengan ibu pejabatnya di 3125 Clearview Way, San Mateo, CA 94402, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusinya.
- 1.65** Perkataan yang bermaksud tunggal juga bermaksud majmuk dan sebaliknya serta serta perkataan yang bermaksud jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.

2.0 Tanggungjawab Pemegang Kad

- 2.1** Dengan menandatangani Kad Debit, menggunakan Kad Debit dan/atau mengekalkan Akaun, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan T&S ini yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar. Notis mengenai perubahan atau pindaan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam sebarang bentuk atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.
- 2.2** Pemegang Kad harus mengambil semua langkah wajar untuk memastikan dan mencegah penggunaan tanpa kebenaran dan secara penipuan dan meyalahi undang-undang ke atas Perkhidmatan atau sebahagian daripadanya dan Kod Keselamatan Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (a) Kod Keselamatan hendaklah dirahsiakan dan apabila Pemegang Kad menerima Kod Keselamatan ia hendaklah ditukar sertamerta apabila telah diterima dan dibaca, dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad sahaja dan bukan orang lain. Jika Kod Keselamatan tidak dikeluarkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad dinasihatkan agar mencipta Kod Keselamatan sendiri sebagai syarat untuk mengakses Perkhidmatan.
- (b) Bahawa tidak ada orang lain selain daripada Pemegang Kad mempunyai akses atau mampu mempunyai akses kepada Kod Keselamatan untuk membolehkan dia melakukan sebarang transaksi melalui mana-mana Perkhidmatan dan Kod Keselamatan tidak ditulis dalam apa jua bentuk atau cara termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman sesawang selain daripada laman sesawang Bank yang boleh ditafsirkan oleh pihak ketiga atau disimpan bersama atau didedahkan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja Bank) di bawah apa-apa keadaan atau pada bila-bila masa.

- (c) Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan Kod Keselamatan kepada mana-mana pihak di bawah apa jua sebab atau cara sama ada secara sukarela atau sebaliknya dan harus mengambil segala langkah wajar untuk mencegah Kod Keselamatan daripada diketahui oleh pihak lain. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit, yang mana Bank tidak akan bertanggungjawab. Pemegang Kad mesti melaporkan sebarang pelanggaran Kod Keselamatan atau kehilangan Kod Keselamatan kepada Bank dengan secepat yang mungkin, apabila Pemegang Kad menyedari tentang pelanggaran atau kerugian masing-masing. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk membayar balik dan membayar kepada Bank atas permintaan bertulis Bank semua tuntutan dan liabiliti yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penggunaan tanpa kebenaran tersebut.
- (d) Bahawa baki Akaun, Penyata Akaun dan Transaksi Kad diperiksa dan dipantau oleh Pemegang Kad secara kerap dan teliti dan diperiksa setiap kali sebelum memberikan apa-apa arahan kepada Bank. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera tentang apa-apa yang tidak dibenarkan, penipuan, menyalahi undang-undang urus niaga, kesilapan atau percanggahan dalam Akaun.
- (e) Pemegang Kad harus memastikan bahawa dana di dalam Akaun adalah mencukupi untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad yang diarahkan oleh Pemegang Kad.
- (f) Pemegang Kad akan mencipta PIN sendiri pada ATM Bank untuk tujuan melaksanakan transaksi ATM atau transaksi elektronik. Pemegang Kad dikehendaki untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana pihak ketiga dan akan bertanggungjawab kepada Bank untuk sebarang kemasukan debit di dalam Akaun dengan Bank yang diakibatkan oleh Transaksi Kad tanpa kebenaran.
- (g) Untuk melakukan pembelian dengan menggunakan Kad Debit di mana-mana Peniaga Sah, Pemegang Kad boleh mengesahkan Transaksi Kad dengan (i) menandatangani Resit Transaksi yang disediakan oleh Peniaga Sah; (ii) memasukkan PIN pada terminal Tempat Jual; atau (iii) melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan. Penerimaan Resit Transaksi atau apa-apa dokumen pulangan dengan tandatangan Pemegang Kad oleh Bank (jika ada) akan menjadi bukti yang mengikat dan muktamad bahawa Transaksi Kad dan amaun yang direkod padanya adalah dilakukan oleh Pemegang Kad selaras dengan T&S ini. Untuk pembelian atau penggunaan Kad Debit yang dibuat secara transaksi dalam talian, atau transaksi bukan berasaskan tandatangan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian petrol, transaksi dalam talian, Pemegang Kad bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Peniaga Sah atau sekutunya untuk transaksi tersebut akan dianggap sebagai bukti dokumen yang memuaskan sebagai penggunaan dan Pemegang Kad harus mematuhi T&S ini.
- (h) Walaupun peruntukan yang dinyatakan di bawah Klausula 2.2(g) di atas, tandatangan/PIN bukan satu-satunya syarat yang boleh didahulukan kepada liability Pemegang Kad berkenaan dengan perkhidmatan yang dibekalkan, dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk Transaksi Kad jika Bank berpendapat, berdasarkan bukti dokumen yang memuaskan, bahawa ketidaksempurnaan tandatangan atau ketiadaan tandatangan/kemasukan PIN adalah disebabkan oleh keadaan dan/atau kaedah transaksi yang digunakan atau akibat kesilapan dari pihak Pemegang Kad dan/atau Peniaga Sah dan ahli bank MyDebit/Visa/ Mastercard.
- (i) Pemegang Kad harus mematuhi semua keperluan, arahan, suruhan, dan garis panduan

tentang penggunaan Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua Perkhidmatan kepada Pemegang Kad.

- (j) Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani bahagian belakang Kad Debit sebaik sahaja kad tersebut diterima dan sebelum ia digunakan, sebagai langkah mencegah penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit tersebut.
- (k) Kad Debit adalah sah sehingga Tarikh Baik Sehingga. Surat pembaharuan kepada Pemegang Kad akan dikirimkan **tiga puluh (30)** hari sebelum Tarikh Baik Sehingga. Bank akan mengirim surat pembaharuan kepada Pemegang Kad untuk memaklumkan Pemegang Kad untuk mengunjungi cawangan Bank yang terdekat atau mana-mana cawangan Bank untuk memperolehi Kad Debit Penggantian. Pemegang Kad harus memastikan bahawa sebaik sahaja Kad Debit luput, ia dimusnahkan, dengan memotong dua secara melintang dan mengembalikannya kepada Bank untuk penggantian Kad Debit.
- (l) Kad Debit tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, atau pengeluaran atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi Pemegang Kad Bank.
- (m) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai, bayaran atau pemindahan dana melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun. Sebaran pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan dana akan ditolak jika tidak terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun.
- (n) Sekiranya tiada terdapat dana mencukupi di dalam Akaun dan Pemegang Kad tidak mempunyai kemudahan overdraf atau mana-mana kemudahan kredit tersedia, semua Transaksi Kad di Peniaga Sah akan ditolak.
- (o) Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad Debit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan dianggap sesuai untuk memenuhi apa-apa kewajipan yang berkaitan dengan pencegahan apa-apa aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti/pembiayaan pegganas, rasuah, penyalahgunaan wang dan/atau pengelakan cukai.
- (p) Sekiranya Pemegang Kad menjadikan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i sebagai Akaun Pembelian Runcit, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa Kad Debit tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti atau tujuan tidak patuh Syariah seperti yang dinyatakan di Klausa 13 di bawah dan yang boleh menyebabkan transaksi tersebut ditolak.
- (q) Pemegang Kad dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Pemegang Kad untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada Bank bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatangan yang diberi kuasa Pemegang Kad atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh Bank ("**Subjek Data Relevan**"), untuk koleksi Bank, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada subjek Data Relevan mengikut Notis Privasi Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (r) Sekiranya Pemegang Kad menggantikan Kad Debit beliau dengan Kad Debit baru kerana hilang/dicuri/pembaharuan atau apa-apa sebab lain, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua Peniaga Sah berkaitan yang beliau telah melanggan auto debit/transaksi debit langsung untuk mengemaskini nombor Kad Debit baru untuk

mengelakkan transaksi daripada ditolak.

- (s) Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada Bank oleh Pemegang Kad dan/atau diperoleh oleh Bank dari domain awam, dan juga data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pemegang Kad berhubung dengan Akaun-Akaun yang selaras dengan Notis Privasi Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (t) Pemegang Kad yang ingin dikecualikan daripada pekongsian data peribadi mereka di dalam Bank dan/atau kumpulan syarikat Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi perlu mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau menghubungi Pusat Panggilan Bank di **03-7626 8899** untuk mendaftar permintaan mengecualikan pekongsian tersebut.
- (u) Pemegang Kad hendaklah segera memberitahu Bank jika ada apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan dan/atau peribadi Pemegang Kad sama ada secara bertulis, mengunjungi cawangan-cawangan Bank atau menghubungi Pusat Hubungan Bank di **03-7626 8899**.
- (v) Bank tidak menyatakan atau menjamin bahawa penggunaan Kad Debit tidak akan berlaku tanpa gangguan, gangguan atau kesilapan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan, kesulitan, keaiban, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang dalam apa-apa cara mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau oleh mana-mana orang lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan disebabkan oleh sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank dan Pemegang Kad tidak akan mempunyai tuntutan terhadap Bank jika Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan tidak diterima atau dihormati oleh mana-mana Peniaga Sah atau atas apa jua sebab sekalipun.
- (w) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan adalah atas risiko mutlak Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan dan/atau kerugian yang ditanggung berhubung dengan penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Peniaga Sah atau kualiti atau pelaksanaan apa-apa barangan atau perkhidmatan selaras dengan atau berhubung dengan apa-apa transaksi yang dibuat pada Kad Debit. Pemegang Kad akan menyelesaikan secara langsung dengan Peniaga Sah bagi apa-apa aduan yang timbul daripada Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan.
- (x) Pemegang Kad harus memastikan bahawa jika beliau mempunyai lebih daripada satu (1) kad atau instrumen pembayaran dengan teknologi tanpa sentuh, iaitu instrumen pembayaran dengan keupayaan untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan, Pemegang Kad harus memastikan bahawa kad tersebut disimpan secara berasingan daripada Kad Debit untuk mengelakkan urus niaga perlanggaran yang akan menyebabkan kedua-dua kad didebitkan untuk jumlah urus niaga yang berkaitan.
- (y) Di mana debit atau kedudukan terlebih pengeluaran yang tidak diatur sebelumnya timbul dalam akaun semasa atas apa jua sebab, Pelanggan bertanggungjawab dan hendaklah membayar amaun terlebih keluar ditambah faedah yang boleh dikenakan iaitu 4.0% p.a. melebihi BLR pada baki harian atas baki yang terlebih keluar.

- (z) Pemegang Kad harus memastikan semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 20.1 di bawah) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Notis FEP**"). Pemegang Kad disarankan untuk membaca dan memahami Notis FEP di laman sesawang Bank Negara Malaysia ("BNM") di <http://www.bnm.gov.my> – tab 'Notis Dasar Pertukaran Asing' untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan Kad Debit mematuhi Notis FEP setiap masa.

3.0 Transaksi Tanpa Sentuhan

3.1 Terdapat tiga (3) jenis Transaksi Tanpa Sentuhan iaitu:

- (a) MCCS Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo MCCS Tanpa Sentuhan;
- (b) Visa Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian Visa yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo Visa Tanpa Sentuhan; dan
- (c) Mastercard Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian Mastercard yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo Mastercard Tanpa Sentuhan.

3.2 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) setiap transaksi ("**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**"). Pemegang Kad akan dikehendaki mengesahkan PIN bagi Transaksi Tanpa Sentuhan melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250).

3.3 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN boleh dilakukan secara berasingan tetapi transaksi kumulatif dalam satu (1) hari hendaklah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) sahaja atau had lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pemegang Kad mengikut Klausa **3.4** ("**Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**"). Apa-apa Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN yang melebihi Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan dan Pemegang Kad akan diminta untuk melakukan pengesahan PIN untuk meneruskan bayaran. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan ditetapkan semula setiap hari atau apabila Pemegang Kad melakukan transaksi disahkan PIN pada terminal Point-of-Sales.

3.4 Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan ditetapkan kepada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800). Pemegang Kad boleh menukarkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan mereka bila-bila masa dari RM0 – RM800 melalui Hong Leong Connect atau di mana-mana cawangan Bank di seluruh negara. Jika Pemegang Kad tidak ingin menggunakan fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN, Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan hendaklah ditetapkan kepada **sifar, iaitu RM0**.

3.5 Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan Pemegang Kad adalah subset Had Belian Runcit Pemegang Kad. Oleh sebab itu, Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan tidak akan lebih daripada Had Belian Runcit yang ditetapkan oleh Pemegang Kad. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan Pemegang Kad secara automatik akan ditetapkan kepada Had Belian Runcit sekiranya Had Belian Runcit kurang daripada Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan. Contohnya, jika Pemegang Kad telah menetapkan Had Belian Runcit kepada Ringgit Malaysia Seratus (RM100), Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan menjadi Ringgit Malaysia Seratus (RM100).

4.0 Transaksi Pembelian Dalam Talian

- 4.1 Apabila Pemegang Kad membuat pembelian dalam talian dengan Kad Debit, Pemegang Kad akan menerima OTP (One-Time Password) 6-digit dengan salah satu cara berikut:
- (i) Melalui OTP Kad Debit dalam HLB Connect App (jika Pemegang Kad berdaftar) atau
 - (ii) Melalui SMS (jika Pemegang Kad tidak berdaftar dengan HLB Connect App)
- 4.2 Untuk melengkapkan pembelian dalam talian, Pemegang Kad dikehendaki::
- (i) Semak Kad Debit OTP melalui HLB Connect App atau SMS; dan
 - (ii) Masukkan kod OTP 6-digit pada halaman pembayaran Peniaga

5.0 Penyata Pemegang Kad

- 5.1 Penyata akan dikemas kini ke dalam penyata/buku Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i yang ditetapkan, dan Pemegang Kad boleh menyemak Penyatanya secara percuma melalui Hong Leong Connect yang meliputi, antara lain, Transaksi Kad dan Tarikh Pengeposan Transaksi Kad yang dilakukan oleh Pemegang Kad untuk tempoh yang dinyatakan.
- 5.2 Atas permintaan oleh Pemegang Kad, Penyata bulanan bercetak akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad yang terakhir dicatatkan di dalam rekod Bank. Caj perkhidmatan bulanan akan didebitkan dari dalam Akaun. Penyata bulanan yang dicetak menunjukkan semua TransaksiKad, Tarikh Pengeposan dan Tarikh Transaksi untuk bulan yang berkenaan. Pemegang Kad boleh meminta Penyata dicetak pada bila-bila masa dan Bank akan mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Dua (RM2) bagi setiap halaman untuk Penyata sehingga **satu (1)** tahun yang lalu atau Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Lima (RM5) bagi setiap halaman untuk Penyata lebih daripada **satu (1)** tahun yang lalu untuk setiap permintaan.
- 5.3 Rekod dan catatan dalam Akaun yang ditetapkan dengan Bank yang terdapat pada Penyata bulanan akan dianggap sebagai tepat dan mengikat ke atas Pemegang Kad kecuali makluman bertulis bertentangan dengannya diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank dalam masa **empat belas (14)** hari kalendar selepas menerima.
- 5.4 Jika atas sebarang sebab Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam masa **empat belas (14)** hari tentang sebarang percanggahan di dalam Penyata dan sekiranya tiada sebarang kesilapan yang jelas pada muka penyata atau penipuan oleh Bank, maka PemegangKad akan dianggap telah menerima rekod dan catatan di dalam Penyata sebagai betul, akhir danmuktamad. Penyata itu harus dianggap sebagai muktamad dan terikat kepada Pemegang Kad, wakil perundangan dan pengganti Pemegang Kad, dan sebarang tuntutan atau dakwa terhadap Bank yang mendakwa Penyata itu adalah salah adalah tidak sah.
- 5.5 Apabila Bank menerima notis bertulis yang diberi oleh Pemegang Kad dalam tempoh yang dinyatakan, Bank akan menyiasat Akaun untuk membuat pelarasan dan pembedahan yang sewajarnya, jika ada. Sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau dibayar oleh Pemegang Kad akan dikredit atau didebit ke dalam Akaun berkaitan.
- 5.6 Hanya Transaksi Kad yang telah disahkan dengan sewajarnya oleh Bank akan muncul di dalam Penyata Akaun Pemegang Kad.
- 5.7 Pemegang Kad juga boleh mendapatkan rekod **sepuluh (10)** transaksi terakhir Akaun Simpanan

atau Semasa/Akaun Simpanan-i atau Semasa -i melalui ATM. Di dalam rekod transaksi ATM yang dikeluarkan oleh ATM, semua Transaksi Belian Runcit diwakili oleh perkataan **tiga (3)**-huruf "POS".

6.0 Pemegang Akaun Bersama

6.1 Untuk Pemegang Akaun Bersama, salah seorang pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan membenarkan Bank untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad ke atas akaun bersama. Semua Transaksi Kad yang dilakukan akan mengikat ke atas semua pemegang kad, yang bertanggungjawab secara bersama dan bersendirian. Mandat pemegang akaun bersama tidak akan ditarik-balik kecuali dan sehingga pemegang akaun bersama yang mana mandatnya akan ditarik-balik menyerahkan Kad Debitnya kepada Bank.

7.0 Akaun Pegangan

7.1 Bank mungkin akan mendebit atau mengenakan pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit ("**Akaun Pegangan**") untuk akaun Transaksi Kad sama ada pada hari ianya diserahkan kepada Bank untuk bayaran atau pada hari Bank menerima makluman mengenai Transaksi Kad, yang mana lebih awal.

7.2 Akaun Pegangan ke atas akaun adalah sah untuk semua transaksi runcit yang dilakukan dengan Peniaga Sah yang memerlukan pegangan sedemikian. Jika Peniaga Sah meminta kebenaran untuk sebarang Transaksi Kad, Bank mungkin akan mengenakan pegangan ke atas Akaun Pegangan untuk akaun Transaksi Kad yang ditetapkan oleh Peniaga Sah and dipersetujui oleh Pemegang Kad. Baki tersedia di dalam Akaun Pembelian Runcit untuk digunakan oleh Pemegang Kad akan berkurangan sejajar dengan akaun yang dipegang.

7.3 Tertakluk kepada Had Pembelian Runcit Harian dan Baki Semasa dalam Akaun Belian Runcit dan Terma & Syarat di sini, Bank hendaklah meletakkan Akaun Pegangan untuk pembelian petrol oleh Pemegang Kad di dispenser bahan api automatik di stesen minyak di mana sistem akan secara automatik memperuntukkan Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200). Amaun pra-kuasa tersebut akan dikeluarkan secara automatik sebaik sahaja bank pemeroleh menuntut nilai pembelian sebenar kepada bank dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan atau tempoh lain yang mungkin dimaklumkan oleh Bank.

7.4 Selain daripada yang dinyatakan seperti Klausula 7.3 di atas, Bank mempunyai budi bicara untuk menahan jumlah tersebut sehingga dua puluh satu (21) hari kalendar atau untuk tempoh yang difikirkan sesuai. Bank hendaklah mendebitkan jumlah yang ditahan ke Akaun Belian Runcit apabila Transaksi Kad yang sepadan dikemukakan kepada Bank untuk pembayaran. Bank hendaklah mengeluarkan jumlah yang ditahan jika Transaksi Kad yang sepadan tidak dikemukakan kepada Bank untuk pembayaran dalam tempoh yang dianggap sesuai oleh Bank. Pemegang Kad selanjutnya dengan nyata bersetuju bahawa Bank berhak untuk menahan Akaun Belian Runcit dan mendebit Akaun Belian Runcit jika Transaksi Kad berkemungkinan akan atau dibentangkan untuk pembayaran kemudiannya oleh Pedagang Dibenarkan apabila tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar. Pemegang Kad bersetuju bahawa semua resit yang dikemukakan oleh Pedagang Sah untuk Urus Niaga Kad melalui Resit Transaksi termasuk resit pengesahan dan pengakuan hendaklah dianggap sebagai bukti penggunaan muktamad dan konklusif oleh Pemegang Kad.

7.5 Apabila Bank menerima bukti jumlah transaksi sebenar daripada Peniaga Sah, Bank akan melepaskan Jumlah Pra-Kuasa dan Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad akan didebitkan

dengan jumlah transaksi sebenar tersebut.

- 7.6 Pemegang Kad tidak boleh memberhentikan pembayaran ke atas Transaksi Kad. Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini dinyatakan bahawa hak Bank untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit berhubung sebarang Transaksi Kad tidak terhad kepada amaun yang diletakkan dalam pegangan yang berkaitan dengan Transaksi Kad dan Bank berhak untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit untuk amaun penuh atas Transaksi Kad. Bank juga berhak untuk menaikkan amaun yang perlu dipegang berkaitan mana-mana Transaksi Kad yang berdenominasi dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia jika Bank berpendapat amaun asal yang dipegang tidak mencukupi untuk membayar Transaksi Kad sepenuhnya apabila ditukar kepada mata wang asing tersebut.
- 7.7 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan jumlah yang ditahan, walau apa pun terma dan syarat lain yang mengatur Akaun Pembelian Runcit.
- 7.8 Bank hanya akan mengkreditkan Akaun Pembelian Runcit dengan kembalian yang dibuat oleh Peniaga Sah atau penentuan yang berkaitan dengan mana-mana transaksi runcit/transaksi dalam talian selepas Bank menerima baucer kredit yang dikeluarkan dengan betul. Kembalian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada Pemegang Kad memulangkan semula barangan kepada peruncit selepas pembelian.

8.0 Pemilikan dan Kad Debit Hilang atau Dicuri

- 8.1 Pemegang Kad harus mengambil segala langkah keselamatan untuk mengelakkan Kad Debit daripada kehilangan atau kecurian dan Pemegang Kad tidak boleh meninggalkan Kad Debit tanpa dijaga atau mendedahkan PIN dan/atau butiran Kad Debit kepada mana-mana pihak ketiga. Sekiranya berlaku kehilangan dan/atau kecurian Kad Debit dan/atau pendedahan PIN dan/atau butiran kepada pihak yang tidak dibenarkan, Pemegang Kad apabila menyedarinya hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan secepat yang munasabah boleh dilaksanakan selepas itu (jika perkara tersebut berlaku di Malaysia) atau Visa Travel Service Centre atau mana-mana ahli Mastercard atau sekutu terdekatnya (jika perkara tersebut berlaku di luar negara). Pemegang Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk menjaga dan mengambil langkah keselamatan yang munasabah dalam penyimpanan Kad Debit boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada risiko kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit.
- 8.2 Bank berhak bertindak atas arahan telefon yang diterima oleh Bank daripada Pemegang Kad dan/atau wakilnya yang diberikuasa oleh Pemegang Kad (jika berkenaan dan mengikut mana-mana yang berkenaan) ("**Orang yang Diberi Kuasa**") dengan niat yang baik dan mengikut operasi yang biasa. Berhubung dengan ini, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan telefon yang diberikan oleh Orang yang Diberi Kuasa tersebut tidak kira keadaan yang wujud pada masa arahan tersebut.
- 8.3 Jika berlaku kecurian/kehilangan Kad Debit dan Kad Debit tersebut telah digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk sebarang Transaksi Kad, Pemegang Kad bersetuju bahawa beliau akan bertanggungjawab kepada Bank ke atas semua caj tanpa kebenaran yang ditanggung termasuk caj kewangan untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Peniaga Sah, akibat penggunaan Kad Debit oleh pihak yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh dan masa penerimaan oleh Bank makluman dari Pemegang Kad yang dinyatakan di dalam Klausula 8.1 di atas dan tertakluk kepada terma dan syarat Klausula 8.6 di dalam ini.
- 8.4 Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada Bank supaya tidak memperakui Kad Debit

asal yang tersebut di atas sekiranya Kad Debit yang sama diserahkan kepada Bank untuk pembayaran setelah penerimaan oleh Bank pemberitahuan Pemegang Kad yang dinyatakan di bawah Klausa 8.1 diatas.

- 8.5 Selepas pengeluaran penggantian Kad Debit asal atas permintaan Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk membayar balik dan membayar kepada Bank jika Kad Debit asal digunakan dalam apa jua cara, yang mana Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh menolak atau mendebit daripada Akaun Pemegang Kad untuk jumlah tersebut.
- 8.6 Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran kad-hadir yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan yang telah disahkan atau penggunaan kad tanpa-sentuh, dengan syarat Pemegang Kad tidak:
 - 8.6.1 melakukan penipuan;
 - 8.6.2 tangguh dalam memaklum Bank secepat mungkin setelah diketahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
 - 8.6.3 secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
 - 8.6.4 mencatatkan PIN pada Kad Kredit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - 8.6.5 meninggalkan Kad Kredit atau apa-apa yang mengandungi Kad Kredit tanpa jagaan di mana-mana tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
 - 8.6.6 secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad.

Untuk mengelakkan keraguan, transaksi tanpa kebenaran yang dinyatakan di atas bermaksud transaksi pembelian runcit dan bukan transaksi ATM. Urus niaga ATM akan merangkumi kedua-dua pengeluaran dan transaksi wang antara bank yang dilakukan dengan Kad Debit. Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Baki Semasa yang ditetapkan oleh Bank tidak melebihi.

- 8.7 Bank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, tetapi tanpa diwajibkan di sisi undang-undang, mengganti Kad Debit yang hilang, dicuri atau rosak dengan mengenakan bayaran fi. Kad Debit gantian adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam T&S ini sebagaimana Kad Debit asal.
- 8.8 Setelah Kad Debit tamat tempoh atau apabila diminta oleh Bank selepas pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Kad Debit oleh Bank atau apabila diketahui Kad Debit selepas pemberitahuan kehilangannya, Pemegang Kad tidak mempunyai apa-apa hak lagi penggunaan Kad Debit dan akan segera dipotong setengah dan memulangkan Kad Debit tersebut kepada Bank.

9.0 Penamatan oleh Pemegang Kad

- 9.1 Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa, menamatkan penggunaan Kad Debit dengan memberikan maklumat bertulis kepada Bank dan mengembalikan Kad Debit yang dipotong dua kepada Bank. Tiada kembalian Fi atau sebahagiannya akan dibuat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit sebelum Bank menerima maklumat bertulis mengenai penamatan dan pengembalian Kad Debit dipotong dua kepada Bank.

10.0 Fi, Komisyen dan Caj

- 10.1 Bank berhak untuk mengenakan Fi untuk Perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran Kad Debit, Penyata bulanan dicetak, Yuran Penggantian Kad, Fi Pengeluaran Tunai melalui rangkaian MEPS, terminal Visa PLUS/Mastercard Cirrus dan Bank Antarabangsa, Dapatan Semula Draf Jualan dan Fi Bayaran Tahunan. Selain daripada Bayaran Fi tersebut, transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan akan dikenakan caj dan komisen biasa. Bagi tujuan pengutipan Yuran, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada Bank untuk

mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisyen dan/atau caj yang berkenaan. Sekiranya Pemegang Kad tidak memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju bahawa kegagalan pembayaran Yuran, komisen dan/atau caj bagi Perkhidmatan boleh menjejaskan Perkhidmatan yang disediakan sehingga semua yuran, komisen dan/atau caj yang telah dibayar dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad.

- 10.2** Pemegang Kad bersetuju untuk membayar semua fi, komisen dan/atau caj yang dikenakan dalam klausa ini dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad, tanpa mengambilkira pendebitan tersebut mungkin menyebabkan Akaun terlebihguna. Bayaran, komisen dan/atau caj berikut dikenakan pada kadar yang dinyatakan atau kadar lain yang ditetapkan, yang boleh dipinda oleh Bank untuk membuat pemindahan dari semasa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad untuk transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit. Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami www.hlb.com.my/dc2 atau imbas di sini:



- 10.3** Fi Tahunan tidak akan dikenakan semasa pengeluaran Kad Debit dan hanya akan dikenakan pada tarikh ulang tahun. Fi Tahunan boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa. Fi Tahunan tidak akan dikembalikan.

11.0 Cukai Kerajaan, Fi dan Caj Berkanun dan/atau Kawal Selia

- 11.1** Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibuat oleh Pemegang Kad kepada Bank dibawah T&S ini, termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank, adalah tidak termasuk Cukai, dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.

- 11.2** Pada sebarang masa atau keadaan dimana Pemegang Kad dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada di bawah T&S ini berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pemegang Kad dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh Bank kekal dengan apa yang Bank sepatutnya menerima jika sebarang potong atau pengecualian tidak dikenakan.

- 11.3** Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pemegang Kad kena bayar kepada Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai/liabiliti Cukai/kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mana mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh anda secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.

- 11.4 Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara Bank dan Pihak Berkuasa Berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan T&S ini daripada Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasan, tertakluk pada budi bicara, boleh dibuat diantara Bank and Pemegang Kad dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- 11.5 Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada Bank seperti yang diperuntukkan di ini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan di sedemikian cara seperti yang akan diminta oleh Bank.
- 11.6 Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan oleh Bank bagi membantu Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan. Jika terdapat, Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urus niaga yang termaktub di dalam T&S ini, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada Bank untuk memudahkan Bank untuk mematuhi tanggungjawab Bank di bawah undang-undang tersebut.
- 11.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kesemua pihak terbabit dengan ini bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Terma dan Syarat ini adalah muktamad tanpa mengambil kira untuk Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah Klausula ini berkenaan dengan Cukai.

12.0 Had Ke Atas Transaksi Kad

- 12.1 Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Kad atau Pemegang Kad tidak memilih suatu had untuk pelaksanaan transaksi melalui Perkhidmatan, Bank berhak untuk menentukan dan menetapkan sebarang had sama ada dari segi amaun, kekerapan atau kegunaan mana-mana Perkhidmatan dan/atau Kod Keselamatan. Pemegang Kad boleh mengubah had ke atas Transaksi Kad yang dilakukan dengan memberikan makluman awal secara bertulis kepada Bank. Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Pemegang Kad tidak melebihi had yang ditetapkan mahupun mematuhi permintaan Pemegang Kad supaya Bank mengubah had tersebut.
- 12.2 Had Pengeluaran Tunai Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pengeluaran Tunai Harian di mana-mana cawangan Bank atau ATM atau melalui Hong Leong Connect.
- 12.3 Had Belian Runcit Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Belian Runcit Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui Hong Leong Connect. Selain daripada itu, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Runcit Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Runcit Harian Sementara**") melalui Hong Leong Connect dan Had Belian Runcit Harian Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa tertentu

yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Runcit Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM99,999) semasa Julat Tarikh. Had Belian Runcit Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Runcit akan kembali kepada Had Belian Runcit Harian.

- 12.4** Had Belian Dalam Talian Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan Had Belian Dalam Talian Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui Hong Leong Connect. Selain daripada itu, berkuat kuasa 24 September 2022, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Dalam Talian Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Dalam Talian Harian Sementara**") melalui Hong Leong Connect dan Had Belian Dalam Talian Seharian Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa tertentu yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Dalam Talian Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) semasa Julat Tarikh. Had Belian Dalam Talian Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Runcit akan Kembali kepada Had Belian Dalam Talian Harian.
- 12.5** Had Pemindahan Harian melalui ATM untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan maklumat awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pemindahan Harian di mana-mana cawangan Bank atau ATM daripada Bank.
- 12.6** Bagi mengelakkan keraguan, Had Pemindahan Harian melalui ATM adalah berasingan daripada Had Pemindahan Harian melalui Hong Leong Connect.
- 12.7** Pemegang Kad yang ingin menukar had amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") dikehendaki membuat permintaan bertulis untuk menukar had yang telah ditetapkan sebelum ini atau menarik diri daripada perkhidmatan amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS tersebut. Pemegang Kad boleh mendapatkan Borang Penyelenggaraan Perkhidmatan Amaran Transaksi Kad Debit/Kad Debit-i ("**Borang**") di mana-mana cawangan Bank atau di Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my. Pemegang Kad perlu melengkapkan Borang tersebut dan mematuhi arahan yang terdapat di dalamnya untuk menukar had amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS atau menarik diri daripada perkhidmatan amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS tersebut.

13.0 Pematuhan Syariah

- 13.1** Apabila Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit adalah Akaun Simpanan atau Akaun Semasa-i, Kad Debit hanya boleh digunakan untuk pembelian barang dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah. Kad Debit tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga runcit yang menyediakan barang dan perkhidmatan yang tidak mematuhi Syariah dan/atau untuk apa-apa

transaksi yang tidak mematuhi Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori peniaga seperti yang berikut:

- (i) Bar, Ruang Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
- (ii) Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras
- (iii) Kedai dan gerai cerut
- (iv) Transaksi Perjudian
- (v) Petaruhan-Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing, Petaruhan Bukan Sukan Dalam Talian Antara Negeri
- (vi) Perkhidmatan Janji Temu dan Teman Social

Nota: Senarai peniaga runcit dan aktiviti tidak mematuhi Syariah di atas akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

14.0 Kewajipan Pemegang Kad

- 14.1** Kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuaiian melampau oleh Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan wajib untuk membayar balik kepada Bank atas permintaan bertulis Bank semua tuntutan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan sebagaimana peguam cara dengan pelanggan sendiri) dan semua liabiliti dalam apa jua bentuk atau jenis yang ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau apa jua cara yang timbul daripada peruntukan Perkhidmatan atau penerimaan sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh Pemegang Kad. Liabiliti Pemegang Kad adalah merupakan liabiliti berterusan dan akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, jika ada, dilepaskan sepenuhnya.

15.0 Penggantungan, Pembatalan dan Penamatan

- 15.1** Bank berhak menarik atau menggantung mengikut budi bicaranya Kad Debit dan/atau mana-mana Perkhidmatan dan dalam keadaan seperti itu jika Bank dianggap sesuai untuk menghentikan penggunaan Kad Debit oleh Pemegang Kad dengan pemberitahuan bertulis kepada Pemegang Kad. Selanjutnya disepakati bahawa Bank tidak berkewajipan untuk menyatakan alasan penamatan penggunaan Kad Debit.

16.0 Budi Bicara Bank

- 16.1** Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya tidak akan meluluskan sebarang Transaksi Kad walaupun Baki Semasa di dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan mana-mana Transaksi Kad (iaitu terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun).

- 16.2** Bank berhak untuk:

- (a) Menggantungan hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Debit sepenuhnya atau berkenaan keistimewaan tertentu.
- (b) Menolak untuk menerbit-semula, memperbaharui atau mengganti Kad Debit, tanpa dalam apa jua perkara, menjejaskan tanggungjawab Pemegang Kad di bawah T&S ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pengembalian akan dibuat untuk sebarang fi tahunan atau fi lain yang telah dibayar jika hak untuk menggunakan Kad Debit digantung oleh Bank atau jika Kad Debit tidak diperbaharui atau diganti.

- 16.3** Tanpa prejudis kepada peruntukan lain di dalam T&S ini, Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal, untuk memperkenalkan, menukar, mengubah, menghad atau menarik balik semua atau mana-mana

manfaat, perkhidmatan, kemudahan atau kelebihan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad Debit dan/atau Terma dan Syarat ini.

17.0 Akaun Gantung

17.1 Untuk tujuan membolehkan Bank mengekalkan keseluruhan liabiliti Pemegang Kad, apabila writ saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrapan atau ketidakmampuan bayar Pemegang Kad atau untuk tujuan lain yang dianggap wajar oleh Bank, Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang wajar, sebarang wang yang diterima, diperoleh semula atau direalisasi selaras dengan T&S ini atau di bawah mana-mana cagaran atau jaminan untuk dikreditkan dalam akaun berasingan yang tidak menawarkan keuntungan di bawah nama Pemegang Kad sebagaimana dianggap wajar oleh Bank. Bank tidak mempunyai kewajipan segera untuk memanfaatkan wang tersebut atau sebahagian daripadanya untuk atau ke arah melunaskan jumlah perlu bayar dan terhutang kepada Bank.

18.0 Tolak Selesai

18.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa dan dengan memberikan makluman awal, menyatu dan menggabung semua atau mana-mana Akaun Pemegang Kad dengan Bank dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain, atau menolak selesai atau memindah sebarang jumlah yang sedia untuk dikredit ke dalam mana-mana Akaun tersebut termasuk akaun bersama di mana akaun bersama tersebut adalah di atas nama Pemegang Kad untuk atau ke arah melunaskan semua jumlah terhutang kepada Bank di bawah mana-mana akaun Pemegang Kad dengan Bank, dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain dan Bank boleh berbuat demikian tanpa mengambil kira baki di dalam akaun tersebut dan jumlah terhutang mungkin bukan di dalam mata wang yang sama, dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank menguatkuasakan sebarang penyatuan, gabungan, tolak selesai atau pemindahan dengan pertukaran mata wang yang sewajarnya pada kadar tukaran semasa Bank yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.

19.0 Caj-Balik

19.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apapun puncanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan menerima Kad Debit atau sebarang Penyata atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau sebarang kecacatan atau kekurangan pada produk atau perkhidmatan. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau kekurangan pada produk atau perkhidmatan, Pemegang Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan Peniaga Sah mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari Akaun Pemegang Kad ke atas tuntutan atau pertikaian tersebut.

19.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Pemegang Kad untuk mencaj-balik Transaksi Kad kepada Peniaga Sah bagi transaksi yang telah dibuat (jika hak caj-balik disediakan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian telah dibuat oleh Pemegang Kad kepada Bank secara lisan atau bertulis dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar daripada Tarikh Pengeposan Transaksi Kad tersebut seperti dalam Penyata dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang diperlukan oleh Bank (iaitu: nama Pemegang Kad, Akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah Kad transaksi yang dipertikaikan dan sebab Pemegang Kad percaya bahawa ia adalah Transaksi Kad yang dipertikaikan) untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- 19.3** Sekiranya Bank melanjutkan tempoh masa untuk menyelesaikan siasatan selepas **empat belas (14)** hari kalendar dari tarikh laporan terhadap Transaksi Kad yang dipertikaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, oleh Pemegang Kad kepada Bank, Bank boleh: sekurang-kurangnya, sementara mengkreditkan jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan atau Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000), yang mana lebih rendah (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan), ke dalam Akaun Pembelian Runcit tidak lewat daripada empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad mengemukakan maklumat yang dinyatakan dalam Klausa 19.2 kepada Bank;
- (a) mengkredit baki Transaksi Kad yang dipertikaikan (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan) tidak lewat daripada **tiga puluh (30)** hari kalendar daripada tarikh perkreditan pertama dana sementara ke dalam Akaun Pembelian Runcit oleh Bank mengikut Klausa 19.3 (a) di mana dana tersebut adalah kurang daripada amaun Transaksi Kad yang dipertikaikan; dan
 - (b) membenarkan Pemegang Kad menggunakan sepenuhnya dana sementara yang dikreditkan.
- 19.4** Sekiranya Pemegang Kad dikehendaki membayar jumlah transaksi atau Peniaga Sah telah mengembalikan jumlah transaksi tersebut secara langsung kepada Pemegang Kad, Bank berhak mendebitkan amaun berkenaan daripada Akaun Pembelian Runcit.
- 19.5** Tanpa mengambilkira dan tanpa prejudis kepada sebutan umum Klausa di dalam T&S ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa:
- (a) penggunaan Kad Debit adalah atas risiko Pemegang Kad sendiri dan Pemegang Kad harus menanggung semua risiko yang berkaitan atau yang timbul daripada penggunaan Kad Debit; dan
 - (b) Pemegang Kad tidak boleh membuat atau cuba untuk membuat apa-apa dakwaan palsu, penipuan atau menyalahi undang-undang berkenaan dengan Transaksi Kad yang dipertikaikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bank berhak pada bila-bila masa untuk memulakan dan memulakan dan mengambil tindakan undang-undang dan/atau apa-apa prosiding lain sebagaimana yang Bank fikirkan perlu terhadap Pemegang Kad setelah Bank menemui atau menyedari tentang apa-apa tuntutan yang palsu atau penipuan atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Transaksi Kad yang dipertikaikan.
- 19.6** Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan perundangan dan/atau apa-apa prosiding lain yang dianggap perlu oleh Bank termasuk melaporkan apa-apa laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa yang berkaitan, terhadap Pemegang Kad yang melengahkan, menghalang dan/atau menyembunyikan maklumat penting daripada Bank, membuat atau cuba untuk membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu di media tradisional atau sosial, dan/atau membuat laporan polis palsu mengenai apa-apa transaksi.
- 19.7** Tertakluk kepada kepatuhan Pemegang Kad kepada tanggungjawab yang dinyatakan dalam Klausa 19.2, sekiranya berlaku caj balik akibat aduan atau pertikaian oleh Pemegang Kad mengenai Transaksi Luar Negara (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 19.1 di bawah) yang dilakukan dalam mata wang asing melalui Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, amaun yang dicaj balik akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dalam mata wang transaksi asal.

20.0 Transaksi Luar Negara

- 20.1** Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk melakukan Transaksi Kad dan Transaksi

Kad ATM di luar Malaysia (“Transaksi Luar Negara”) di mana terdapat Peniaga Sah dan/atau Saluran Tunai yang dibenarkan dengan syarat bahawa Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara yang akan dilaksanakan pada Kad Debit yang berkaitan Klausula 20.1 di dalam ini.

- 20.2 Semua Transaksi Luar Negara melalui transaksi ATM dan Transaksi Kad adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada di negara di mana transaksi dilakukan. Untuk semua Transaksi Kad, kadar tukaran, di mana berkaitan, adalah kadar tukaran serta-merta semasa pada tarikh transaksi.
- 20.3 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai melalui ATM tertentu yang dipasang di negara yang diluluskan sebagaimana ditetapkan oleh Bank dan/atau mana-mana Visa/Mastercard tertakluk bahawa semua caj yang dikenakan oleh Visa International/MasterCard International dan/atau Bank termasuk semua caj yang dinyatakan di dalam Klausula 20.5 dan 20.6.
- 20.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad Debit di ATM dan outlet Peniaga di bawah rangkaian Visa/Mastercard di luar Malaysia, transaksi akan dicaj menggunakan matawang rasmi negara tersebut dan ditukar ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang mungkin ditentukan oleh Visa /Mastercard.
- 20.5 Transaksi Kad yang dibuat dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh ia diproses oleh Visa atau Mastercard pada kadar pertukaran asing sebagaimana yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard. Fi tambahan berikut akan dikenakan ke atas penukaran:
- (i) 1% fi transaksi dikenakan oleh Visa atau Mastercard; dan
 - (ii) 1% penambahan kepada penukaran tukaran asing dikenakan oleh Bank
- 20.6 Untuk Transaksi Luar Negara tertentu, Pemegang Kad boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan DCC untuk menukarkan transaksi mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Jika DCC dipilih:
- (i) Kadar pertukaran asing yang digunakan oleh peniaga luar negara bagi urusan DCC mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard.
 - (ii) Pemegang Kad akan dikenakan fi transaksi sebanyak 1% oleh Visa atau Mastercard ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukarkan, yang merupakan fi yang dikenakan oleh Visa atau Mastercard.
- 20.7 Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk melakukan transaksi dalam mata wang asing menggunakan Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, transaksi tersebut akan berjaya sekiranya mata wang asing yang dipilih mempunyai baki yang mencukupi di dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF. Transaksi tersebut tidak akan dikenakan fi yang dinyatakan dalam Klausula 20.5. Walau bagaimanapun, sekiranya mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad tidak mencukupi, transaksi tersebut akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia dan akan didebit dari baki Ringgit Malaysia yang terdapat dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dan fi yang dinyatakan dalam Klausula 20.5 akan dikenakan.
- 20.8 Meskipun adanya Klausula 20.7, sekiranya institusi kewangan peniaga luar negara menyempurnakan / membenarkan Transaksi Luar Negara dalam Ringgit Malaysia, bukannya dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad, transaksi tersebut akan didebit dari

Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dalam Ringgit Malaysia walaupun Pemegang Kad mempunyai baki mata wang asing yang mencukupi dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF

- 20.9 Bagi Transaksi Kad yang disempurnakan dari Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang asing:
- (i) sekiranya terdapat kembalian oleh Peniaga Sah dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh transaksi, dan Bank berjaya memadamkan kembalian tersebut kepada transaksi asal, kembalian tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang transaksi asal. Sekiranya padanan tidak berjaya, kembalian tersebut akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa Bank pada masa Bank mengkredit kembalian tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.
 - (ii) sekiranya Peniaga Sah mengemukakan permintaan untuk kembalian selepas tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh transaksi, kembalian kepada Pemegang Kad akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia and tukaran daripada mata wang yang berkenaan kepada Ringgit Malaysia adalah pada kadar tukaran semasa Bank pada masa Bank mengkredit kembalian tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.
- 20.10 Pemegang Kad perlu mematuhi Notis FE yang dikeluarkan oleh BNM berkenaan dengan sebarang transaksi, termasuk Transaksi Luar Negara, yang boleh didapati di laman sesawang BNM. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas sebarang penganjakan atau ketidakpatuhan peraturan tersebut dan pindaan yang dibuat terhadapnya.

21.0 Keperluan Pilih Masuk bagi Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kad

- 21.1 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad melainkan Pemegang Kad telah mendaftarkan arahnya untuk memilih masuk untuk melaksanakan Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad melalui Hong Leong Connect, ATM Bank, kunjungi mana-mana cawangan Bank atau hubungi Pusat Panggilan Bank di **03-7626 8899**, jika tidak, Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad akan ditolak.

22.0 Platform Pembayaran atau Rangkaian

- 22.1 Walaupun Kad Debit Bank menyokong MyDebit yang hanya boleh digunakan di dalam Malaysia, dan Visa/Mastercard yang diterima di dalam Malaysia dan di luar negara, apabila Kad Debit digunakan di Peniaga Sah di Malaysia, ia adalah tertakluk kepada pilihan rangkaian oleh Peniaga Sah tersebut (iaitu sama ada MyDebit atau Visa/Mastercard) bagi tujuan memproses pembayaran.
- 22.2 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk meminta Peniaga Sah yang dibenarkan untuk menukar rangkaian Kad Debit yang telah dipilih.

23.0 Pengganti

- 23.1 T&S ini akan digunakan pakai untuk waris, wakil peribadi dan pengganti Pemegang Kad dan Bank masing-masing.

24.0 Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Terpakai

- 24.1** T&S ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, Bank bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pemegang Kad dan mana-mana pihak di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh Bank dan Pemegang Kad bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dalam semua hal yang berkaitan dengan kewajipan dan liabiliti di bawah atau yang timbul daripada Akaun dan T&S ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonine@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899

[TAMAT]